JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

NOTA KEPADA PENGARANG

JABATAN PENERANGAN MALAYSIA NEGERI PERAK
Ting 1 & 2, Kompleks Sultan Nazrin Muizzuddin Shah
Jalan Raja Musa Mahadi, 31400 Ipoh, Perak
Tel : (05) 5422 500 Fax : (05) 5422 508 e-mel : penperak@inform.gov.my

JAPEN.PRK.600-8/26 (62)

JEMPUTAN MEDIA

LIPUTAN MEDIA ISTIADAT KAWALAN KEHORMATAN DAN ISTIADAT MENGHADAP SEMBAH TAAT SETIA SERTA PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2026

Sukacita dimaklumkan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah berkenan bercemar duli berangkat ke **Istiadat Kawalan Kehormatan Dan Istiadat Menghadap Sembah Taat Setia Serta Penganugerahan Darjah Kebesaran Negeri Perak Darul Ridzuan Sempena Ulang Tahun Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Tahun 2026** pada **15 November 2026 (Ahad) bertempat di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar jam 7.30 pagi.**

Kod Pakaian:

- **Lelaki : Baju Kebangsaan Hitam, Bersampin Hitam Benang Emas dan Bersongkok / *Lounge Suit* Bersongkok Hitam**
- **Perempuan : Baju Kurung Berselendang (Elakkan pakaian berwarna putih, ungu dan kuning)**

Sehubungan dengan itu, semua **pengamal media** dijemput hadir untuk membuat liputan. Bagi mendapatkan Pas Keselamatan, wakil media yang terlibat diminta untuk mengimbas **kod QR** yang disediakan sebelum hari **Jumaat, 6 November 2026**. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan amat dihargai.

Sekian, Terima Kasih.

JABATAN PENERANGAN NEGERI PERAK
3 NOVEMBER 2026

ISTIADAT KAWALAN KEHORMATAN DAN LIPUTAN ISTIADAT MENGHADAP SEMBAH TAAT SETIA SERTA PENGANUGERAHAN DARJAH KEBESARAN NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN SEMPENA ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN TAHUN 2026

Sila Scan QR Kehadiran

Susunan Acara

Istiadat Kawalan Kehormatan

5 Jamadilakhir 1448 / 15 November 2026

7.45 pagi	:	Ketibaan dif-dif.
8.00 pagi	:	Kawalan Kehormatan mengambil tempat.
8.10 pagi	:	Ketibaan Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar dan isteri.
8.15 pagi	:	Ketibaan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan isteri.
8.20 pagi	:	Keberangkatan Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan.
8.25 pagi	:	Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan.
8.30 pagi	:	Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan.
	:	Hormat Diraja.
	:	Lagu Kebesaran Negeri Perak.
	:	Pemeriksaan Kawalan Kehormatan.
	:	Hormat Diraja.
	:	Lagu Kebesaran Negeri Perak.
	:	Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan, diiringi Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan isteri meninggalkan Istiadat.
	:	Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar dan isteri meninggalkan Istiadat.
	:	Bersurai.

Susunan Acara

Istiadat
Menghadap Sembah Taat Setia
dan
Penganugerahan Darjah Kebesaran
Negeri Perak Darul Ridzuan

5 Jamadilakhir 1448 / 15 November 2026

BALAIRUNG SERI

9.00 pagi	:	Dif-dif mengambil tempat.
9.15 pagi	:	Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar dan isteri mengambil tempat.
9.20 pagi	:	Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan isteri mengambil tempat.
9.25 pagi	:	Jejawat-jejawat membawa masuk Lembing dan Payung Kerajaan.
9.30 pagi	:	Keberangkatan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan bersama Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan, Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan. (Paluan Nobat)
	:	Yang Berbahagia Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda menghadap memohon limpah perkenan untuk memulakan istiadat.
	:	Bacaan ayat suci Al-Quran.
	:	Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan menghadap mempersembahkan ucapan tahniah dan taat setia bagi pihak Raja-Raja dan Orang Besar Perak Darul Ridzuan.
	:	Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan menghadap mempersembahkan ucapan tahniah dan taat setia mewakili kerajaan dan rakyat.
	:	Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan.
	:	Istiadat Menjunjung Duli.
	:	Istiadat Penganugerahan Darjah Kebesaran.
	:	Bacaan doa oleh Sahibus Samahah Timbalan Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan.
	:	Yang Berbahagia Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda menghadap untuk menyembahkan istiadat selamat disempurnakan.

: Keberangkatan meninggalkan Balairung Seri
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan
dan Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan
bersama
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan
dan Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan,
Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan
dan Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan.

(Paluan Nobat)

: Jejawat-jejawat membawa Lembing dan Payung Kerajaan meninggalkan Balairung Seri.

: Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan isteri meninggalkan Balairung Seri.

: Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar dan isteri meninggalkan Balairung Seri.

: Dif-dif beredar ke Dewan Santapan.

DEWAN SANTAPAN

- Dif-dif mengambil tempat.

- Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar dan isteri mengambil tempat.

- Keberangkatan
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan
Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan,
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan dan
Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan
bersama
Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan dan
Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan diiringi
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan isteri.
(semua dif berdiri)

- Lagu Kebesaran Negeri Perak.

- Doa.

- Majlis santapan.

- Lagu Kebesaran Negeri Perak.

- Keberangkatan meninggalkan Dewan Santapan
Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan dan
Duli Yang Maha Mulia Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan,
Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Perak Darul Ridzuan dan
Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Besar Perak Darul Ridzuan
bersama
Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir Perak Darul Ridzuan dan
Duli Yang Amat Mulia Raja Puan Muda Perak Darul Ridzuan diiringi
Yang Amat Berhormat Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan isteri.
(semua dif berdiri)

- Yang Teramat Mulia Raja-Raja Bergelar dan isteri meninggalkan Dewan Santapan.

- Bersurai.